

BERCUTI DI BANDAR PERANGINAN PORT DICKSON

Oleh: Nik Norazyana binti Nik Kamarudin, 1172567,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Disiarkan pada 18 Ogos 2020

Port Dickson menjadi destinasi percutian kami sekeluarga pada tahun 2019. Ia menjadi pilihan kami kerana pantai yang luas dan suasananya yang agak berbeza dengan pantai yang terdapat di Kelantan.

Perjalanan dari Gua Musang, Kelantan ke Port Dickson, Negeri Sembilan agak jauh iaitu mengambil masa selama enam jam.



Port Dickson adalah sebuah daerah dan bandar pantai peranginan yang terkenal di Negeri Sembilan. Terdapat banyak tempat yang menarik di Bandar Port Dickson yang boleh dijadikan destinasi percutian.

Semasa percutian kami di Port Dickson, kami melawat dua tempat iaitu Pantai Teluk Kemang dan Pantai Cahaya Negeri.

Pantai Teluk Kemang



Bersama keluarga di Pantai Teluk Kemang.

Pantai Teluk Kemang telah menjadi pilihan utama semasa percutian kami kerana ia merupakan pantai yang paling besar dan paling popular.

Pantai ini selalu dibanjiri oleh pelancong terutamanya pada hujung minggu dan cuti persekolahan.

Banyak tempat penginapan seperti resort, hotel dan apartmen yang terdapat sekitar pantai ini untuk kemudahan pelancong. Kami sekeluarga juga menginap di resort berhampiran pantai ini.



Selain itu, yang menariknya terdapat banyak aktiviti yang boleh dilakukan di sini, antaranya bermain *jet ski*, *banana boat*, *speed boat* dan macam-macam lagi.

Ia merupakan aktiviti yang sesuai untuk orang dewasa, remaja serta orang muda dan mereka kelihatan seronok melakukan aktiviti tersebut.

Bagi kanak-kanak pula mereka kelihatan leka dengan aktiviti seperti membina istana pasir dan bermain di kawasan lapang berhampiran pantai.



Restoran Asam Pedas Kasih Ibu


Kami sempat makan di kedai yang menarik serta ramai pengunjung iaitu di restoran Asam Pedas Kasih Ibu yang terletak berhampiran pantai ini. Antara hidangan istimewa yang

disediakan di sini adalah set asam pedas. Hidangan lain juga turut disediakan seperti ikan bakar, daging salai dan masak lemak cili api.

Pantai Cahaya Negeri

Pantai Cahaya Negeri juga adalah salah satu pantai yang kami kunjungi semasa percutian ini. Pantai ini terletak kira-kira 15 kilometer dari pusat bandar Port Dickson.

Kami merasa tertarik untuk ke sini kerana terdapat pelbagai kemudahan seperti pondok dan tempat meletak kereta yang luas. Ada juga kawasan yang sesuai untuk berkhemah di sini.



Jambatan di Pantai Cahaya Negeri

Selain terkenal sebagai tempat berkelah, berkhemah dan bersantai bersama keluarga, di pantai ini juga terdapat sebuah jambatan yang cantik dan menarik ramai pengunjung untuk merakamkan gambar sebagai kenangan.

Memang sesuai untuk bercuti bersama keluarga di sini kerana terdapat banyak aktiviti menarik yang boleh dilakukan. Pemandangan pantai di sini lebih menarik dan indah pada pandangan mata.